

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU

TARIKH : 23 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sistem sokongan kebersihan wanita (*hygienic*) yang sedia wujud bagi golongan berpendapatan rendah di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang ditubuhkan untuk melaksanakan program pembangunan kapasiti, khidmat kaunseling dan nasihat sokongan bagi wanita serta menyelaraskan, memantau dan menilai program berkenaan.

Dalam melaksanakan fungsinya, JPW memfokuskan kepada pembangunan kapasiti wanita berteraskan kepada empat (4) elemen utama iaitu kewangan, kemahiran asas, kesaksamaan dan kepimpinan sendiri dan keseimbangan bagi mencapai kesejahteraan hidup.

Sehingga November 2020, sebanyak 956 program telah dilaksanakan oleh jabatan ini melalui Pejabat-pejabat Pembangunan Wanita Negeri melibatkan penyertaan seramai 392,044 peserta. Kaedah pelaksanaan program adalah secara fizikal dan juga dalam talian selaras dengan norma baharu.

Berdasarkan program yang dilaksanakan oleh JPW, pihak Jabatan tidak melaksanakan program berkaitan sistem sokongan kebersihan wanita (*hygienic*) secara khusus tetapi diselitkan perkara ini secara tidak formal melalui kursus-kursus yang berkaitan seperti penyediaan makanan dan diet yang sihat dan tatacara kebersihan diri. Cadangan YB adalah saranan yang baik dan boleh diambil kira untuk program kemahiran asas kepada wanita bagi tahun 2021. Kolaborasi strategik bersama agensi berkaitan juga akan diadakan selaras dengan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY
VELLU**

TARIKH : 23 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pembaharuan dari segi Standard Operating Procedure (SOP) dan inisiatif-inisiatif yang telah dan akan diambil dalam memastikan segala bentuk bantuan kepada rakyat bagi menghadapi krisis COVID-19 melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sampai kepada golongan yang memerlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan ialah:

1. Menggalakkan Permohonan Bantuan dibuat secara Atas Talian

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di laman sesawang <http://ebantuanjkm.jkm.gov.my>. Permohonan boleh terus diproses dan dokumen dikemukakan selepas PKP ditamatkan.

Siasatan akan dilaksanakan melalui telefon atau berdasarkan maklumat yang telah diisi oleh pemohon. Manakala di setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) telah mewujudkan **DropBox** bagi memudahkan pemohon menghantar salinan akaun Bank atau lain-lain maklumat yang diperlukan. Ini bagi mengurangkan kehadiran pemohon ke PKMD dan membolehkan permohonan bantuan dibuat walaupun PKMD ditutup bagi kawasan zon merah atau kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

2. Pengecualian Proses Kaji semula

Sepanjang tempoh PKP, JKM telah mempermudah proses kaji semula di mana semua penerima bantuan bulanan tidak perlu menghantar borang kaji semula dan hadir ke PKMD untuk siasatan lanjutan. Pegawai kes akan menggunakan borang kaji semula kelulusan terdahulu bagi melanjutkan bantuan. Penamatan kes hanya dilakukan sekiranya terdapat maklumat yang sahih seperti meninggal dunia, kes berpindah keluar daerah dan perubahan yang tidak lagi menepati syarat kelayakan menerima bantuan JKM.

3. Mempercepatkan bayaran Bulanan Bantuan Kewangan Persekutuan

Bayaran Bulanan Bantuan Kewangan Persekutuan diawalkan bermula bulan Mac sehingga tempoh PKP tamat (bayaran dibuat pada setiap 20 hari bulan, bulan sebelumnya).

4. Bantuan Khas PENJANA OKU

JKM diberi tanggungjawab bagi menyelaraskan pengagihan Bantuan Khas kepada penerima bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) di bawah Inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Golongan OKU yang layak ialah Penerima Bantuan di bawah skim Bantuan Kewangan Bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT).

5. Bantuan Bakul Makanan

JKM juga diberi tanggungjawab bagi membekalkan Bakul Makanan kepada mereka yang memerlukan dalam tempoh PKP ekoran penularan pandemik COVID-19.

Secara keseluruhannya, inisiatif ini telah memberi manfaat kepada seramai 979,968 Ketua Isi Rumah (KIR) dan memberi manfaat kepada 3.9 juta Ahli Isi Rumah (AIR) di seluruh negara. Peruntukan yang telah dibelanjakan bagi program ini ialah sebanyak RM52.83 juta.

6. Khidmat Aduan Atas Talian melalui Talian Kasih 15999 dan Talian Kasih *Whatsapp* 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh (7) hari seminggu. Sehingga 30 November 2020, sebanyak 153,893 panggilan telah diterima. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari yang mana talian ini berfungsi sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan reproduktif,

masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 682 kes mengenai keganasan rumah tangga telah dipanjangkan kepada JKM untuk siasatan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 429 kes telah diselesaikan.

7. Kembara Prihatin Nasional

Kembara Prihatin Negara (KPN) adalah merupakan satu inisiatif terbaharu KPWKM dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan bantuan khususnya bagi mereka yang terjejas ketika pandemik COVID-19.

Inisiatif ini tidak hanya memfokuskan kepada pemberian bantuan dan pemberian keperluan semata-mata tetapi turut disediakan satu kaunter bergerak bagi mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan lain yang disediakan oleh kementerian dan agensi KPWKM. Antara objektif inisiatif ini adalah seperti berikut:

- 1) membantu dan menyantuni rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di seluruh negara mengikut daerah;
- 2) menyebarkan perkhidmatan dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan dalam memenuhi keperluan dan ekspektasi rakyat; dan
- 3) meningkatkan kolaborasi strategik bersama sektor korporat dengan penglibatan bersama masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH

TARIKH : 23 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tahap keberkesanan pendidikan seksualiti yang digunakan oleh LPPKN untuk mendidik remaja agar menjauhi persetubuhan luar nikah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Dasar Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial telah melaksanakan pelbagai program Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial (PEKERTI) di sekolah, Institusi, komuniti dan di Pusat Remaja KafeTEEN yang menyasarkan remaja berumur 13 hingga 24 tahun.

Pada tahun 2011 hingga 2019, LPPKN telah melaksanakan 5,822 program PEKERTI yang memberi manfaat kepada 293,994 golongan remaja. Melalui program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan kemahiran yang dianjurkan di KafeTEEN yang fokus utamanya adalah pendidikan seksualiti, ia telah memberi pengetahuan kepada 664,530 golongan remaja sejak 2006 hingga 2019. Manakala bagi perkhidmatan kesihatan reproductif sebanyak 35,140 remaja telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan di KafeTEEN tersebut.

Berkaitan tahap keberkesanan program pendidikan ini, LPPKN telah melaksanakan beberapa kajian penilaian untuk mengukur keberkesanan program ini iaitu:

- (i) Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Reproductif dan Seksual Remaja di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada tahun 2011 dan 2015 melibatkan seramai 3,544 orang remaja berumur 13 hingga 24 tahun. Hasil kajian mendapati pengetahuan mengenai Kesihatan Reproductif dan Seksual (KRS) merupakan salah satu faktor pelindung yang dapat membantu menangani isu kesihatan reproductif dalam kalangan remaja.
- (ii) Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 2014 telah menunjukkan peningkatan terhadap pengetahuan mengenai KRS iaitu di tahap sederhana berbanding tahap rendah pada kajian yang sama pada tahun 2004. Daripada 5,304 responden

remaja, peratus jawapan yang betul bagi soalan berkaitan HIV/AIDS dan penyakit jangkitan seksual adalah sebanyak 73.0 peratus. Berbanding pada tahun 2004 iaitu 64.1 peratus.

- (iii) Kajian Penilaian Pra dan Pasca bagi program PEKERTI@Sekolah dan PEKERTI@Institut pada tahun 2014 dan 2015. Kajian yang melibatkan seramai 5,164 responden mendapati terdapat peningkatan yang signifikan daripada aspek pengetahuan dan sikap yang lebih positif terhadap kesihatan reproduktif. Bagi PEKERTI@Sekolah tahun 2014, min skor bagi pengetahuan meningkat secara signifikan iaitu daripada 6.5 kepada 10.3 dan min skor bagi perubahan sikap yang lebih positif meningkat dengan signifikan iaitu daripada 3.9 kepada 4.6. Manakala kajian pada tahun 2015, mendapati min skor bagi pengetahuan meningkat daripada 3.4 kepada 3.6 dan bagi perubahan sikap meningkat daripada 5.8 kepada 6.2.
- (iv) Selain itu juga, Kajian penilaian program PEKERTI di LPPKN turut dijalankan dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) pada tahun 2017. Hasil kajian berkenaan menunjukkan sebanyak 64 peratus remaja yang menyertai program mendapat manfaat dan sekali gus terdapat peningkatan peratus dalam pengetahuan mereka mengenai pendidikan kesihatan reproduktif.
- (v) Kajian Penilaian Outcome Perkhidmatan KafeTEEN pada tahun 2019 juga menunjukkan 93.5 peratus daripada remaja mendapat peningkatan terhadap tahap pengetahuan mengenai kesihatan reproduktif selepas mengikuti program.

Program PEKERTI yang dijalankan sejak 2011 ini melibatkan kolaborasi strategik dengan badan-badan bukan kerajaan, ibu bapa dan guru-guru di sekolah biasa dan sekolah agama untuk memperkasa mereka sebagai penyampai pengetahuan dan pendidikan kemahiran kesihatan reproduktif dan sosial kepada golongan remaja di komuniti yang berisiko tinggi khususnya.

SOALAN NO. : 62

Oleh yang demikian, program pendidikan kesehatan reproduktif dan sosial terus dilaksanakan meskipun menerusi norma baharu dengan menggunakan platform facebook KafeTEEN, aplikasi MykafeTEEN dan kempen pendidikan di media sosial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ISMAIL BIN YUSOP

TARIKH : 23 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dalam tempoh pandemik COVID-19, di antara golongan yang terkesan adalah warga emas khususnya dari segi perlindungan, kesihatan dan kebajikan. Apakah perlindungan yang telah disediakan oleh Kerajaan khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian dalam melindungi warga emas dalam tempoh pandemik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bekerjasama erat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memberi kesedaran dan perlindungan yang sewajarnya kepada warga emas yang merupakan golongan berisiko tinggi untuk mendapat komplikasi dan kematian akibat jangkitan COVID-19 kerana faktor umur dan juga penyakit kronik.

Di antara perlindungan dan bantuan yang disediakan oleh KPWKM untuk golongan warga emas adalah seperti berikut:

1. Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan Tahun 2020

Sambutan Hari Warga Emas pada tahun ini diraikan dalam suasana pandemik COVID-19. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menetapkan tema Hari Warga Emas Antarabangsa Tahun 2020 adalah berkaitan dengan pandemik iaitu ***“Pandemics: Do They Change How We Address Age And Ageing?”*** Selari dengan tema di peringkat antarabangsa, KPWKM juga bersetuju memilih tema sambutan di peringkat kebangsaan pada 1 Oktober 2020 iaitu **Pandemik dan Penuaan: Mendepani Perubahan**. Melalui sambutan ini, pelbagai maklumat terkini, pengamalan norma baharu dan usaha pencegahan pandemik COVID-19 telah dikongsikan bersama masyarakat khususnya warga emas. Di antara program dan aktiviti Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan Tahun 2020 ialah:

- a. Forum bersama tiga orang panel;
 - i. Panel 1: KKM
Tajuk: Kesediaan Warga Emas Terhadap Pembudayaan Norma Baharu
 - ii. Panel 2: Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
Tajuk: Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Psikososial Warga Emas

- iii. Panel 3: *Centre of Epidemiology and Evidence Based Practice*, Jabatan Perubatan Kemasyarakatan dan Pencegahan, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya
Tajuk: Kesejahteraan Kewangan dan Kesihatan Mental
Warga Emas di Era Pandemik COVID-19

b. Sesi Dialog bertajuk “Peranan KPWKM Dalam Menghadapi Isu Pandemik COVID-19”

2. **Melaksanakan saringan COVID-19** dengan kerjasama KKM kepada semua penghuni dan kakitangan di 17 buah institusi kebajikan JKM melibatkan 2,376 penghuni sebagai satu usaha untuk mencegah penularan COVID-19 di institusi warga emas. Saringan ini juga telah diperluaskan kepada 432 pusat jagaan yang dikendalikan oleh pihak swasta dan NGO di mana sejumlah 14,049 penghuni dan kakitangan mereka telah disaring.
3. Susulan daripada program saringan tersebut, KKM dan KPWKM telah bekerjasama **membangunkan Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Penyakit COVID-19** di Pusat Jagaan Warga Emas Berkediaman Kerajaan, Swasta dan Badan Bukan Kerajaan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan sebagai rujukan dan panduan pusat-pusat tersebut dalam menghadapi situasi pandemik ini.
4. KPWKM juga telah mewujudkan **Talian Khas Kaunseling COVID-19** dan **Talian KASIH 15999** bagi memberi sokongan psikologi kepada orang ramai yang terkesan akibat penularan wabak dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perkhidmatan tele-kaunseling 24 jam setiap hari merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk memastikan kesihatan mental rakyat Malaysia sentiasa berada di tahap yang stabil. Bermula 1 Januari hingga 30 November 2020, KPWKM telah menerima sebanyak 375 panggilan. Kes yang dipanjangkan untuk siasatan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) ialah sebanyak 135 kes. Jantina mangsa adalah seperti berikut:
 - i. 281 lelaki
 - ii. 61 perempuan

iii. 33 tidak dinyatakan

Panggilan daripada warga emas adalah kes berkaitan warga emas yang terabai dan diabaikan. Kes akan dipanjangkan ke PKMD untuk melihat keadaan warga emas terbabit. Warga emas terbabit akan diselamatkan atau bantuan kebajikan disalurkan mengikut keadaan kes.

5. Proses disinfeksi institusi warga emas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM):

Proses disinfeksi dilakukan sekali setiap hari terutamanya bagi permukaan yang sering disentuh seperti butang lif, rel pemegang tangan, tombol pintu serta laluan dan kawasan yang menjadi tumpuan penghuni institusi. Manakala proses disinfeksi secara keseluruhan institusi dilaksanakan 6 bulan sekali. Pihak JKM juga telah mengarahkan semua institusi menyediakan peralatan dan keperluan seperti berikut:

- i. *Termometer infrared* tanpa kontak untuk saringan suhu badan.
- ii. Alat pelindung diri yang mencukupi seperti pelitup muka sekurang-kurangnya *surgical mask 3ply*.
- iii. Alatan untuk mencuci tangan yang secukupnya iaitu sabun yang bersesuaian dan air atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*).

Keperluan institusi bagi tujuan pencegahan tersebut adalah menggunakan peruntukan belanja mengurus sedia ada institusi.

6. JKM juga meneruskan **pelaksanaan program Khidmat Bantu di Rumah atau Home Help Services** yang bercorak *reaching out* kepada warga emas sepanjang tempoh PKPB ini. Sehingga Oktober 2020, terdapat seramai 1,992 sukarelawan yang telah memberi Khidmat Bantu di Rumah kepada seramai 5,826 warga emas di seluruh negara.

Pada pengumuman Bajet 2021 yang lepas, Menteri Kewangan telah mengumumkan kenaikan nilai sugu hati sukarelawan daripada

RM150.00 kepada RM400.00 sebulan. Selain daripada itu, nilai sugu hati kepada klien program *Home Help* juga dinaikkan dari RM30.00 kepada RM80.00 sebulan.

7. Bantuan kewangan pengoperasian PAWE

Pada pembentangan Bajet 2021 yang lepas oleh Menteri Kewangan, bantuan kewangan pengoperasian PAWE telah dinaikkan daripada RM33,330.00 setahun kepada RM50,000.00 setahun bagi sebuah PAWE melibatkan 150 buah PAWE. Peningkatan ini adalah disebabkan beberapa perkara seperti kenaikan elaun Penyelia/Pembantu Penyelia, sumbangan KWSP, sewaan premis dan kos utiliti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI

TARIKH : 23 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Puan Ras Adiba Binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah rancangan Kementerian dalam mengembalikan kanak-kanak OKU ke Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) atau GENIUS Kurnia secepat mungkin bagi mengelakkan kehilangan kemajuan dalam pendidikan susulan ramai kanak-kanak terkesan akibat pandemik COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 12 Ogos 2020 kepada semua Pertubuhan PDK berserta Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan Covid-19 di PDK untuk memastikan semua Pertubuhan tetap menjalankan program pemulihan di musim Covid-19 walaupun Pusat PDK tidak beroperasi.

Pengoperasian semula PDK adalah tertakluk dengan syarat hanya Pusat PDK yang telah bersedia dan mematuhi SOP serta berada di Zon Hijau sahaja dibenarkan. Manakala Pusat PDK yang berada di Zon Kuning dan Merah tidak dibenarkan beroperasi dan perlu menjalankan aktiviti pemulihan melalui medium penyampaian maklumat secara atas talian. Bagi PDK yang berada di Zon Kuning dan Merah, hanya penyelia/ petugas sahaja yang dibenarkan berada di PDK secara pergiliran ataupun sepenuhnya bergantung kepada keperluan Pertubuhan masing-masing.

Sepanjang tempoh pematuhan kepada PKPB, pelatih PDK tetap mengikuti program pemulihan di rumah masing-masing walaupun mereka tidak dapat ke Pusat PDK melalui kaedah pembelajaran secara atas talian, ataupun memberi tugas kepada pelatih dengan berpandukan video yang dihantar oleh petugas menerusi platform media sosial seperti *WhatsApp* dan *Telegram* mengikut jadual dan perlu diselesaikan dengan bantuan ibu bapa. Ada juga petugas memberi tugas terus kepada pelatih untuk diselesaikan dan tugas yang telah siap akan dihantar oleh ibu bapa mengikut tarikh yang ditetapkan kepada petugas. Kaedah alternatif yang disediakan oleh petugas kepada pelatih OKU membolehkan mereka tetap memperoleh manfaat program pemulihan dan tetap terus menerima pembelajaran yang berterusan walaupun di musim pandemik Covid-19.

KPWKM tidak menafikan bahawa dalam menjayakan pembelajaran secara atas talian dan juga kaedah alternatif yang disediakan oleh petugas PDK kepada semua pelatih PDK, kerjasama ibu bapa amatlah penting bagi memastikan proses penyampaian maklumat secara atas talian atau melalui

medium aplikasi *whatsapp* dan sebagainya dapat diterima oleh pelatih PDK dan seterusnya mengelakkan kehilangan kemajuan dalam program pemulihan.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula pada pertengahan Oktober 2020, sesi intervensi kanak-kanak autisme di Pusat GENIUS Kurnia bagi Program Sokongan Keluarga dan Program Harian tetap diteruskan dengan menggunakan kaedah komunikasi secara atas talian. Sesi intervensi dijalankan sepenuhnya dengan mengguna pakai beberapa platform media sosial seperti *WhatsApp*, *Telegram*, *Facebook* dan e-mel. Seterusnya rekod perkembangan kanak-kanak ini akan dipantau dan dinilai dengan menggunakan aplikasi Buku Komunikasi (BuKom) antara pegawai intervensi dan ibu bapa.

Merujuk kepada siaran media mengenai kebenaran pengoperasian TASKA oleh KPWKM pada 12 November 2020, Pusat GENIUS Kurnia telah membenarkan kanak-kanak autisme yang berkenaan hadir ke Pusat untuk diberikan intervensi secara bersemuka dengan Prosedur Operasi Standard yang ketat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**

TARIKH : 23 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mempertingkatkan sistem atas talian semua Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dilihat begitu lembap dan menyukarkan staf JKM mengakses data yang diperlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai sistem-sistem teras perkhidmatan Jabatan terdiri daripada SMOKU (Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya), Sistem eBantuan, Sistem Info bencana dan yang terkini adalah sistem e-WE iaitu Sistem Pendaftaran Warga Emas Negara yang boleh diakses sehingga ke peringkat daerah.

Seiring dengan kemajuan teknologi, JKM senantiasa menambah baik Sistem ICT dari masa ke semasa dan maklumat yang diberikan adalah yang terkini. Seiring dengan kemajuan teknologi, JKM senantiasa menambah baik Sistem ICT dari aspek perkakasan dan perisian dari semasa ke semasa dan maklumat yang diberikan adalah yang terkini. Usaha-usaha menaik taraf antaranya, aplikasi web di mana sistem eBantuan, SMOKU dan InfoBencana boleh dimuat naik menggunakan *Mobile Apps* pada bila-bila masa dan di mana-mana jua. Segala masalah berkaitan sistem ICT perlu di log oleh pegawai kebajikan masyarakat di peringkat daerah atau pengguna sistem ke dalam Helpdesk yang disediakan.

Untuk sistem eBantuan, pihak JKM telah menyediakan kemudahan semakan di mana pengguna boleh menyemak status permohonan bantuan mereka di <http://ebantuanjkm.jkm.gov.my/> pada bila-bila masa sahaja. Sekiranya pihak Yang Berhormat atau Tuan / Puan yang memerlukan perkhidmatan bantuan JKM boleh terus ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah terdekat atau pun boleh terus mengisi maklumat mereka atas talian di alamat <http://ebantuanjkm.jkm.gov.my/> atau menerusi talian kasih 15999.

Sekian, terima kasih.